

# Amat Jutrah kekal terajui Kekaumas UMS

UB 22.12.2012 B3

KOTA KINABALU: Kakitangan Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), Amat Jutrah Musnih mengekalkan jawatan presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas) Sesi 2013-2015 pada Mesyuarat

Agung Luar Biasa ke-4 kesatuan itu di Dewan Bankuasi UMS pada Khamis lalu.

Beliau yang menerajui Kekaumas sejak 1998 memperolehi 119 undi menewaskan dua lagi calon presiden, Abd Ghani Amat dan Jumardie Lukman, yang kedua-

duanya mendapat 17 undi.

Kakitangan di Jabatan Pendaftar, Abd Jalil Sapli pula memenangi jawatan timbalan presiden selepas menewaskan tiga calon lain iaitu Jumardie Lukman (44), Mus Mulyadi Matlin (23) dan Abd Ghani Amat (17).

Abd Jalil yang turut dicalonkan bertanding jawatan setiausaha namun tewas di tangan Salmah Terif, kakitangan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) yang mendapat 88 undi manakala Abd Jalil 60 undi.

Seorang lagi kakitangan SPE, Arnah Sanudin memperolehi 132 undi untuk mengalahkan Rydwam Baharudzaman yang hanya mendapat 21 undi bagi jawatan penolong setiausaha.

Jawatan bendahari dan penolong bendahari masing-masing dimenangi tanpa bertanding oleh dua kakitangan

Jabatan Bendahari iaitu Maslan Ali Hussin dan Mohd Hyaizrul Mohd Yassin.

Sementara itu, 11 orang dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa (AJK) iaitu Binik Majuril (masjid), Abdul Samat Lawi (perpustakaan), Danan Maslleh (perpustakaan), Harun Tambiri (IPMB), Zainah Ahmad (SST), Saidin Marjan (keselamatan), Nor Hana Nordin (HEP), Mohd Faizal Marjus (HEP), Lassim Jane @Jani (BPA), Jumardie Lukman (JPP) dan Julius Sokodor (SKTM).

Seramai 19 calon bertanding bagi jawatan Ahli Jawatankuasa Kekaumas sesi 2013-2015.

Majlis perasmian mesyuarat agung itu disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar di Jabatan Pendaftar, Nortir Sirin yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.



**AMAT JUTRAH (duduk, dua kanan) dan Abd Jalil (duduk, kanan) bersama Exco Kekaumas UMS 2013-2015.**